

Headline	FRIM tetap pertahan kawasan hutan dijadikan lebuh raya		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	07 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	478 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,737
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,211



# FRIM tetap pertahan kawasan hutan dijadikan lebuh raya

**INSTITUT** Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan terus mempertahankan kawasan hutan seluas 515 hektar di kawasan FRIM, yang terletak di pinggir ibu kota, daripada dijadikan projek pembinaan lebuh raya.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abdul Latif Mohmod berkata cadangan pembinaan lebuh raya yang merentasi kawasan hutan itu pernah diutarakan kali pertama pada Februari 2013 dan dibangkitkan semula baru-baru ini.

Abdul Latif bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai pihak yang terbabit dalam projek berkenaan.

"Semasa cadangan

lebuh raya ditimbulkan, 99 peratus kakitangan FRIM menandatangani petisyen bantahan pada Mac 2013 dan hal itu terus senyap.

"Bagaimanapun kami dimaklumkan pihak terbabit bercadang untuk meneruskan (cadangan lebuh raya) dan kami akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan isu ini pada Selasa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penghargaan Media di Dataran FRIM di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sementara itu, dalam ucapannya Abdul Latif berkata media massa perlu memainkan peranan penting untuk meningkatkan kesedaran memulihara

alam sekitar supaya 'tidak dipersalahkan' generasi akan datang atas kegagalan mewariskan biodiversiti.

"Inventori yang dijalankan FRIM untuk lima tahun bermula 2008 terhadap 1,132 spesis pokok di semenanjung mendapati empat spesis adalah dalam situasi terancam secara kritikal.

"Begitu juga dengan spesis serangga seperti kumbang tanduk, yang dahulu banyak di pokok kelapa, namun kini mula terancam disebabkan ramai yang menjualnya dengan harga AS\$100 ke luar negara untuk dijadikan hiasan," katanya.

Pada itu beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 10

pengamal media terpilih termasuk kepada tiga

warga kerja Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) iaitu Timbalan Pengarang Perkhidmatan Berita Dalam Negeri Ahmad Fuad Yahya,

wartawan meja Rencana dan Isu Semasa Wan Khairul Sahara Ahmad Ghazali dan Pengarang Urusan Radio24 Mohamad Letfee Ahmad atas penulisan mereka berkaitan isu alam sekitar.

Semua penerima turut diberikan cenderahati berupa pokok kacip fatimah yang mempunyai khasiat perubatan yang tinggi khusus untuk wanita. — Bernama

Headline	FRIM tetap pertahan kawasan hutan dijadikan lebuhraya		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	07 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	478 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,737
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,211



**SIJIL PENGHARGAAN:** AbdLatif (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada Ahmad Fuad yang juga Timbalan Penegarang Meja Berita Bernama pada Majlis Penghargaan Media di FRIM di Kuala Lumpur.



**KEPENTINGAN HUTAN:** Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan kepada pihak media diatas sokongan dan sumbangan yang diberi didalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan perhutanan serta pemuliharaan hutan dan penjagaan alam sekitar di Kuala Lumpur. — Gambar Bernama